



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
PERTANDINGAN e -PERMAINAN PENDIDIKAN
HIJAU PERINGKAT SEKOLAH

TARIKH / MASA / TEMPAT

11 MEI 2019 (SABTU)
11.30 PAGI

AUDITORIUM MENARA MPSP
BANDAR PERDA, BUKIT MERTAJAM

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani Binti Hj Mahmud

Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr Mohammad Shatar Bin Sabran

Naib Canselor

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Mohd Zahuri Bin Khairani

Dekan Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Che Zalina binti Zulkifli

Ketua Projek e-Permainan Pendidikan Hijau

Daripada Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Yang Berbahagia Profesor Dr Mohd Fauzi Bin Sedon @ Mdon

Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Yang Berusaha Dr Mohd Izwan Shahril

Pengarah Alumni,

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Yang Berusaha Pengarah

Jabatan Pendidikan Pulau Pinang

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Kakitangan-Kakitangan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Guru-Guru dan Murid-Murid Sekolah Yang Menyertai e-Permainan Pendidikan Hijau

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan e-Permainan Pendidikan Hijau Peringkat Sekolah di Menara MPSP.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr Mohammad Shatar Bin Sabran, Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan pegawai-pegawai serta kakitangan UPSI; Yang Berusaha Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang; guru-guru dan peserta-peserta yang terdiri dari murid-murid sekolah, tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi hadir bersama-sama memeriahkan majlis kita pada pagi yang barakah ini.

Sekalung penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang dipimpin oleh Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Che Zalina binti Zulkifli selaku Ketua Projek e-Permainan Pendidikan Hijau atas usaha merekacipta e-Permainan Pendidikan Hijau dan juga sebelum ini dengan kerjasama MPSP menghasilkan *Economical Food Waste Composter* (EFWC). Ini merupakan satu kerjasama strategik menggunakan pendekatan

smart partnership melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*), di mana melalui pendekatan ini, jalinan kerjasama pelbagai pihak secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar dan bumi kita serta memberi manfaat kepada rakyat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Pentadbiran MPSP di bawah kepimpinan saya meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada *philosopher* dari kalangan pensyarah universiti dan pemikir serta professional. Saya berpendapat menara gading dan pihak berkuasa tempatan seharusnya bergabung untuk menerokai kekuatan perkongsian supaya meluncur laju memberi khidmat dan manfaatnya yang dirasai oleh rakyat. Seberang Perai boleh dijadikan makmal bergerak yang besar untuk melaksanakan *Research & Development (R&D)* pembangunan "*Smart Sustainable City*".

Kerjasama MPSP dengan rakan strategik hijau, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), merupakan satu perkongsian idea kreatif "*MPSP Smart Consumption Model*" iaitu 8R [*rethink, refuse, reduce, re-use, repair, re-gift,*

recover dan *recycle*] dengan “*Re-Imagining Waste as a Resources*” daripada UPSI dalam pelaksanaan program-program seperti;

- I. **Penyediaan Mural 3D** menggunakan bahan buangan, iaitu tudung botol minuman, untuk dijadikan sumber dalam menghasilkan karya seni. Dengan kerjasama dan bantuan warga kerja MPSP, komuniti, kilang-kilang, pengusaha pusat kitar semula dan sekolah-sekolah, sebanyak 113,190 tudung botol minuman telah berjaya dikumpulkan, melebihi daripada sasaran asal iaitu 71,000 penutup botol minuman.

Sebanyak empat (4) Mural 3D bertemakan pemandangan di Seberang Perai dan berukuran 20' x 8' telah berjaya disiapkan dalam jangkamasa tiga (3) hari pada 23 September 2018 dengan kerjasama dan penglibatan 595 orang sukarelawan yang dibimbing oleh pihak UPSI. Para sukarelawan adalah terdiri daripada kakitangan UPSI; pegawai dan kakitangan MPSP dari semua peringkat, wira-wira orange, wakil-wakil persatuan dalaman MPSP; Agensi Kerajaan dan Institut Pengajian Tinggi; Syarikat-Syarikat Swasta termasuk kilang-kilang; sekolah-sekolah; wakil-wakil komuniti dan persatuan; serta orang awam. Mural 3D yang amat kreatif ini diletakkan di dinding-dinding Menara MPSP yang boleh dilihat oleh pengunjung-pengunjung ke sini. Di samping memberikan impak *visual* kepada

pengunjung-pengunjung yang datang ke Menara MPSP, Mural 3D juga menjadi tarikan pengunjung untuk berselfie (atau wefie).

- II. Merekacipta dan menghasilkan alat ***Economical Food Waste Composter*** (EFCW) yang mempercepat proses pengkomposan bahan buangan organik atau sisa dapur. *Economical Food Waste Composter* adalah merupakan satu inovasi MPSP bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam pengurusan sisa makanan dan menukarkannya kepada satu bahan yang memberi faedah iaitu baja kompos. Sisa-sisa makanan atau sisa buangan dapur diproses oleh EFCW menggunakan motor untuk pengudaraan dan mikroorganisma bagi mempercepatkan proses pengkomposan. Sebanyak 50kg sisa organik boleh dimuatkan dalam mesin ini dan kompos boleh dihasilkan dalam masa lima (5) hari.

Sehingga ini EFCW diguna pakai oleh Sekolah Menengah Jalan Damai, Pangsapuri Taman Pandan, MPKK Simpang Ampat-Taman Belibis dan Restoran De Pauh. Selain itu, Mesin EFCW juga dihadiahkan kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang untuk digunakan di kediaman beliau. EFCW juga akan mula digunakan oleh tujuh (7) sekolah pada tahun ini, iaitu Sekolah Kebangsaan Tok Kandu, Sekolah Menengah Kebangsaan Berapit,

Sekolah Kebangsaan Bertam Perdana, Sekolah Kebangsaan Taman Impian, Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Perai, Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Seng Keow dan Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Yok Eng.

- III. Kolaborasi dengan UPSI telah diteruskan dengan program terbaru yang dilancarkan hari ini, iaitu **e-Permainan Pendidikan Hijau** yang bertujuan meningkatkan kesedaran serta memperkasakan pendidikan dan pemulihan alam sekitar di kalangan murid-murid di sekolah-sekolah di Seberang Perai. e-Permainan Pendidikan Hijau adalah sesuai dengan cita rasa anak muda yang suka dan pintar dengan *e-sport*. Sukan elektronik atau *e-sukan (e-sport)* kini menjadi kegilaan sebahagian daripada remaja di Malaysia ketika ini dan dilihat mampu diketengahkan sebagai aktiviti yang boleh menjamin masa depan golongan belia. Inovasi ini juga sesuai dengan pandangan Kementerian Belia dan Sukan di mana ianya dilihat sebagai salah satu lubang emas di masa hadapan dengan perkembangan dan perubahan landskap teknologi masa kini.

Aktiviti *e-sport* bukan sekadar untuk mengisi masa lapang malah ia boleh mendatangkan ganjaran yang lumayan menerusi pertandingan yang sering dianjurkan di luar Negara. Di Asia Tenggara, jumlah peminat *e-sport* adalah berjumlah 9.5 juta orang dan dijangka meningkat dua kali ganda pada 2019. Penglibatan para golongan

belia dalam *e-sport* juga mampu menghindarkan mereka daripada terlibat dalam kegiatan jenayah dan gejala sosial.

Program *e-sport* mempunyai potensi besar untuk dikembangkan dan kini merupakan salah satu sumber ekonomi bagi beberapa negara maju di dunia, di mana di United Kingdom dan Amerika Syarikat sahaja *e-sport* bukan lagi sekadar hobi semata-mata tetapi peluang pekerjaan yang berkualiti. Malah, kemajuan sukan itu juga dapat dilihat apabila beberapa temasya sukan dunia seperti Sukan SEA, yang mempunyai enam medal untuk *e-sport*, turut memberi pengiktirafan.

Pulau Pinang telah mempunyai liputan 3G sepenuhnya, 97.7% liputan 4G dan jangkakan liputan 5G menjelang 2021 telah meletakkan negeri ini dalam inisiatif negeri pintar. Oleh yang demikian, Pulau Pinang telah bersedia untuk penganjuran *e-sport* peringkat antarabangsa.

Sukan ini adalah kategori sukan yang telah mencatat rekod pertumbuhan paling pesat di peringkat global pada tahun 2017-2018, sekitar 33 hingga 38 peratus dengan jumlah pemain seramai 380 juta dan nilai ekonomi sekitar USD 905 juta. Jumlah ini dijangkakan akan

terus melonjak dan akan mencecah USD 1 billion dalam masa setahun dua ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Jalinan kerjasama dengan *philosopher* ini secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar dan bumi kita serta memberi manfaat kepada rakyat sejajar dengan sasaran MPSP ke arah menjadi Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang 2022 dengan wawasan '***Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar pintar dipacu oleh teknologi.***' Saya amat berharap banyak lagi kolaborasi dengan pelbagai institut pengajian tinggi dapat dijalin di masa hadapan. Saya juga menyeru agar lebih banyak institusi pengajian tinggi dan juga institusi penyelidikan tampil ke hadapan untuk bersama-sama MPSP dalam menjayakan pelbagai program-program seumpama ini.

e-Permainan Pendidikan Hijau ini direka cipta dan dibentuk oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim bagi meningkatkan kesedaran sekolah dalam menjayakan Sekolah Hijau. Dengan usahasama UPSI, MPSP dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang program e-

Permainan Pendidikan Hijau dikembangkan sebagai satu alat permainan pendidikan di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Seberang Perai. Matlamat program ini adalah untuk menjadikan aktiviti pendidikan sekolah hijau lebih menarik bagi penyampaian ilmu kesedaran alam sekitar secara bermodul.

e-Permainan Pendidikan Hijau adalah satu alat Permainan Pendidikan dalam bentuk digital (*Digital Education Tools*) yang dikenali sebagai *Edutainment*. Ianya menggunakan konsep permainan (*games*) berbentuk pengembaraan dan pengujian pengetahuan. Sebanyak tiga jenis permainan dibentuk di bawah e-Permainan Pendidikan Hijau, iaitu pengkomposan (*compost hero*), perang terhadap sampah (*rubbish war*) dan pencemaran lautan (*ocean pollution*). Murid-murid boleh bermain sambil belajar dan markah akan diberikan bagi murid yang dapat tamatkan permainan dalam masa yang ditetapkan. Secara amnya, e-Permainan berasaskan pembelajaran pedagogi pendidikan dan perlu diselesaikan dalam masa yang ditetapkan. Permainan digital ini boleh dimuat turun melalui www.geoplay.my dan mempunyai fleksibiliti imbasan melalui kod QR dan juga boleh dimainkan secara terus tanpa talian internet.

Program atau Pertandingan e-Permainan Pendidikan Hijau Peringkat Sekolah dilancarkan buat pertama kalinya pada 13 April 2019 di Menara

MPSP dengan penyertaan daripada sepuluh (10) sekolah rendah dan lima (5) sekolah menengah di Seberang Perai Tengah. Penyertaan dalam pertandingan e-Permainan Pendidikan Hijau kali kedua yang diadakan hari ini pula melibatkan penyertaan dari 30 sekolah peringkat rendah dan menengah daripada daerah Seberang Perai Utara. Pertandingan telah bermula sejak pagi tadi dan sebentar lagi akan diadakan upacara pemberian hadiah kemenangan berupa wang tunai dan sijil penyertaan kepada para pemenang. Syabas dan Tahniah kepada pemenang pertandingan.

Pertandingan e-Permainan Pendidikan Hijau Peringkat Sekolah akan diteruskan selepas, dalam masa terdekat ini di Seberang Perai Selatan. Untuk pembelajaran berterusan murid-murid akan diberi *star rating* dan lencana. Butiran-butiran lain akan diumumkan selepas diadakan perbincangan lanjutan dengan Pegawai-Pegawai Pendidikan untuk menambah baik permainan ini. UPSI dan MPSP juga amat bersedia untuk berkongsi program ini di sekolah-sekolah yang berminat.

MPSP amat berharap agar segala ilmu pengetahuan dan maklumat yang diperolehi dalam permainan ini dapat diamalkan secara praktikal di sekolah-sekolah dan juga di rumah.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Program ini merupakan salah satu daripada aktiviti kempen kesedaran bagi menggalakkan kanak-kanak dan orang dewasa peka dengan isu-isu alam sekitar. Kerajaan Negeri Pulau Pinang pula telah memberi penekanan kepada pengurangan penggunaan plastik dengan melaksanakan inisiatif hijau “Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna” (*No To Single-Use Plastic*) mulai 1 Januari 2019 secara berfasa yang akan dimulakan dengan polisi *No to Plastic Straw*. Tujuan pelaksanaan Program “Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna” adalah untuk mengkurangkan impak pencemaran dan masalah buangan sampah yang disebabkan oleh penggunaan plastik sekali guna seperti bag plastik dan straw minuman.

Mulai 1 April 2019, kempen tiada *straw plastik* diadakan di semua premis makanan termasuk kantin sekolah di mana pengusaha kantin tidak boleh bagi memberikan *straw plastik* kepada pelanggan. Tahun ini lebih ditumpukan dalam mendidik orang ramai agar tidak menggunakan straw plastik dan plastik sekali guna dan penguatkuasaan larangan penggunaan straw plastic akan dimulakan tahun hadapan. MPSP amat mengharapkan agar sekolah-sekolah akan memberi sokongan padu serta membantu dalam kempen ini. SK Bertam Perdana Berjaya telah pun melaksanakan kempen tidak guna plastik sekali pakai di premis sekolah.

MPSP memohon kerjasama semua pihak yang terlibat sama ada pengusaha gerai makanan, orang awam, pihak swasta, kantin-kantin sekolah dan lain-lain dapat memberikan kerjasama bagi menjayakan inisiatif ini. MPSP menyokong penuh inisiatif hijau Kerajaan Negeri ini dan telah pun menetapkan tiada lagi penggunaan cawan atau bekas plastik pakai buang dalam semua mesyuarat dan program anjuran MPSP sejak bulan Julai 2018. Kakitangan adalah digalakkan membawa bekas minuman sendiri ke mesyuarat atau program-program anjuran MPSP.

Sekali lagi saya menyeru marilah kita sama-sama menyokong usaha Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar-dasar baru yang konsisten terhadap isu-isu alam sekitar bagi memastikan anak-anak dan cucu-cucu kita mewarisi alam sekitar dan bumi dalam keadaan yang elok daripada kita. Teruslah membantu MPSP dalam menjadikan Seberang Perai lebih bersih dan hijau serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu “***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***”.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada pimpinan UPSI, pensyarah-pensyarah dan tenaga kerja UPSI, komuniti Seberang Perai, guru-guru, murid-murid dan sekolah-sekolah yang telah menyokong semua

usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini. Terima kasih sekali lagi kepada pihak UPSI, kakitangan-kakitangan MPSP dan semua yang terlibat atas kerjasama dan sokongan yang diberikan untuk menjayakan program ini.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih